



ALBUM: Hajiji (tengah) bersama tetamu kehormat lain merakamkan gambar kenangan pada majlis berkenaan.

UMS JADI PUSAT ILMU UNGGUL

● Perlu lahirkan graduan untuk penuhi keperluan tenaga kerja mahir, kata Hajiji
UB 04.10.2023 P.01

Oleh Yap Slong Han

KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) perlu mewujudkan persekitaran pendidikan tinggi yang mampu menjadi pusat ilmu unggul.

ia perlu bagi menghasilkan graduan berdaya saing dan berinovasi untuk memenuhi keperluan tenaga kerja mahir negara serta antarabangsa.

Ketua Menteri Datuk Seri Panglima Hajiji Haji Noor berkata, dalam konteks pendidikan, hala tuju Rancangan Malaysia Ke-12 menggariskan tumpuan kepada pembangunan bakat masa hadapan, iaitu peningkatan kualiti pendidikan.

Katanya, ia bagi memastikan pelajar dihasilkan memenuhi standard diperlukan oleh industri.

Sebab itu, katanya, pihak institusi pengajian tinggi termasuk UMS digalakkan untuk memperkukuhkan kerjasama dengan pemain industri dalam aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan dan inovasi.

"Kerajaan negeri yang mengamalkan mesra pelabur amat memerlukan graduan berpengetahuan dan berkemahiran untuk memenuhi permintaan pihak industri.

"Saya berharap UMS akan universiti yang mampu mengeluarkan graduan yang tersedia masa hadapan," katanya pada Majlis Ikrar dan Aku Janji sempena Minggu Suai Mesra Sesi 2023/2024 Kali Ke-29 UMS di sini, semalam.

Beliau berkata, kerajaan negeri terus komited dan sentiasa memberi kerjasama kepada UMS dalam

membantu usaha ke arah kemajuan, peningkatan tahap pendidikan tinggi negara.

ia sesuai dengan pelan pembangunan Hala Tuju Sabah Maju Jaya (SMJ) yang memberi penekanan kepada sektor perindustrian, pertanian, pelancongan sebagai teras utama dalam memulihkan semula ekonomi, termasuk pembangunan modal insan.

Katanya, kerajaan negeri juga komited memperkasakan pembangunan pendidikan dan infrastrukturnya dalam usaha melahirkan modal insan berkualiti.

Katanya, pendidikan yang baik berupaya mengubah kualiti hidup rakyat yang akhirnya menyumbang kepada kejayaan dan kecemerlangan negara khususnya Sabah.

"Kita tidak mahu ada yang terpinggir daripada menerima pendidikan di negeri ini.

"Justeru, beberapa inisiatif telah diambil oleh kerajaan negeri dalam membantu anak-anak Sabah melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi," katanya.

Hajiji berkata kerajaan negeri juga memperkenalkan Majlis Perundingan Pelajar Sabah bagi memberi ruang bakal pemimpin untuk menyampaikan pandangan, idea dan aspirasi anak muda Sabah dalam memperkasakan peranan belia di negeri ini.

Selain itu, katanya, penubuhan Sekretariat Mahasiswa Sabah (SEMESTA) yang menjadi badan penghubung untuk mendengar suara mahasiswa Sabah kepada kerajaan negeri.

Katanya, ia menjadi badan perantara dalam menyampaikan berkenaan dengan dasar kerajaan negeri kepada mahasiswa Sabah.

Hajiji yang juga Pro-Canselor UMS amat bangga dengan pencapaian semasa yang ditunjukkan oleh UMS.

Katanya, sejak kewujudan UMS, universiti itu telah membantu menjana transformasi pembangunan negeri ini.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada Profesor Datuk Dr. Kasim Mansor kerana dilantik semula sebagai Naib Canselor UMS.

"Dr. Kasim merupakan anak tempatan yang berpengalaman, lama berkhidmat dengan UMS dan merupakan antara ahli akademik asal Sabah yang terkenal di negara ini," katanya.

Hajiji juga berharap kehadiran pelajar baharu ke UMS bakal menghasilkan kejayaan cemerlang serta sejarah kehidupan membanggakan sepanjang tempoh pengajian.